

10 AUG 2003

MCA-Ong (Bergambar)/I

KONGSI SUMBER HADAPI GLOBALISASI, KATA PRESIDEN MCA

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia pelbagai keturunan harus berkongsi sumber bagi membantu negara menghadapi proses globalisasi yang kian mengubah lanskap ekonomi dunia, kata Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting.

Ketika berucap pada Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-50 di sini hari ini, beliau berkata strategi baru dan berkesan amat erplu dalam persaingan ekonomi tanpa sempadan.

"Satu pelan tindakan juga boleh mengkaji bagaimana kita boleh berkongsi sumber dan pengetahuan antara kaum untuk mengatasi cabaran globalisasi dan impak China muncul sebagai gergasi ekonomi dunia," katanya.

Ong berkata kelebihan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia keturunan Cina daripada segi penguasaan pelbagai bahasa dan memahami sedikit tradisi dan kebudayaan negeri China harus digunakan dengan sepenuhnya bagi menerokai pasaran China dan menarik pelabur China ke negara ini.

Perhimpunan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional di Wisma MCA di sini.

Ong berkata usaha sama antara kaum Cina dan rakyat beragama Islam di negara ini merupakan satu kekuatan untuk menerokai pasaran berpotensi besar di China kerana negara itu juga mempunyai ramai rakyat berketurunan Islam.

Beliau juga berkata keganasan harus diperangi dengan keras kerana ia kini merupakan ancaman serius kepada keamanan dunia dan ekonomi serantau.

"Kini dunia tidak selamat kerana pengganas boleh melancarkan serangan dari mana-mana tempat yang boleh mengorbankan orang yang tidak bersalah dan memusnahkan harta benda bernilai tinggi," katanya.

Bagaimanapun, katanya, dunia harus mengenal pasti punca yang menyebabkan keganasan, dan jika dunia gagal mengambil tindakan serius, keganasan akan berterusan dan tidak dapat dibendung.

"Keganasan tidak berkait dengan mana-mana agama atau bangsa tetapi ianya adalah kerana penindasan, pinggirkan, ketidakadilan dan tindakan balas kumpulan yang dianggap lemah dan dipinggirkan," kata Ong.

Beliau berkata tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq telah memberi kesan kepada kedaulatan sebuah negara serta melanggar undang-undang antarabangsa dan ini akan mendorong serangan oleh pengganas.

"Oleh kerana itu, negara Barat yang dianggap lebih berkuasa perlu menghormati kedaulatan negara kecil," katanya.

Ong berkata rakyat Malaysia pelbagai bangsa dan pemimpin mereka yang cintakan keamanan juga memainkan peranan aktif dalam memelihara keharmonian dunia dan ini terbukti semasa kempen "PEACE Malaysia" awal tahun ini.

Katanya, kaum Cina juga menentang keras sebarang bentuk keganasan dan menyokong penuh kempen menentang jenayah seperti itu.

Lebih 800 persatuan Cina yang berpengaruh dan lebih 230,000 orang Cina telah menandatangani memorandum keamanan semasa kempen PEACE Malaysia, katanya.

-- BERNAMA

VP AZZ DC MAI